

**UCAPAN
PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS MELAFAZ DAN MENANDATANGANI
IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)**

TARIKH : 25 OGOS 2017 (JUMAAT)
MASA : 9.00 PAGI
**TEMPAT : GALERI MAJLIS, ARAS 3, BANGUNAN
CANSELORI, UMS**

SALUTASI

- 1.Y.Bhg Dato' Sazali Salbi, Pengarah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) Negeri Sabah
- 2.Para pegawai utama
- 3.Dekan-Dekan, Ketua-ketua Jabatan
- 4.Pegawai-pegawai SPRM
- 5.Pegawai-pegawai UMS
- 6.Sahabat Media UMS, dan
- 7.Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt., Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran atas rahmat yang telah diberikan Allah SWT kepada kita semua untuk hadir ke Majlis Melafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah pada pagi hari Jumaat yang mulia ini. Selaku Naib Canselor UMS, saya mengalukan dan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian YBhg. Dato' Sazali Salbi, Pengarah SPRM negeri Sabah, yang sudi hadir bersama-sama warga UMS pada majlis ini.

Juga terima kasih kepada semua ketua jabatan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan para pegawai UMS yang turut sudi hadir pada pagi ini.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Awal pelantikan sebagai Naib Canselor UMS, saya dengan diiringi beberapa orang pegawai telahpun melakukan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' di pejabatnya.

Sewaktu kunjungan tersebut, YBhg. Dato' ada menyebut tentang keperluan agensi kerajaan untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah. Ikrar ini adalah ikrar setiap individu (pegawai) untuk lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Saya menyokong saranan Y.Bhg. Dato' dan telah mengarahkan pegawai saya untuk memastikan Ikrar Bebas Rasuah ini dapat dilaksanakan di UMS secepat mungkin. Alhamdulillah, hari ini UMS telah dapat memulakan pelaksanaan Ikrar ini. Pada kesempatan ini, suka saya maklumkan bahawa semua Dekan dan Ketua Jabatan harus melaksanakan Ikrar ini di peringkat Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit masing-masing secepat mungkin.

UMS akan mengemukakan laporan pelaksanaan Ikrar ini kepada pihak SPRM dari semasa ke semasa.

**Hadirlin hadirat yang saya hormati sekalian,
TRANSFORMASI UNIVERSITI INDUSTRI 4.0**

Ketika ini kita diuar-uarkan dengan Revolusi Industri Keempat (fourth industrial revolution) atau ringkasnya IR4.0.

Saya telah memaklumkan kepada semua ketua jabatan bahawa UMS hendaklah tidak tertinggal dan harus seiring dengan keadaan ini. Justeru, harus ada satu usaha yang tersusun untuk memastikan berlakunya apa yang saya gelar Transformasi Universiti Industri 4.0 ini.

ASPEK NILAI UNTUK MENCAPAI UI4.0

Bagi memastikan transformasi Universiti Industri 4.0 ini tercapai, saya sentiasa menekankan beberapa aspek nilai yang perlu ada pada setiap pegawai UMS. Perkara ini pernah saya utarakan kepada semua ketua jabatan dan pegawai-pegawai UMS di setiap pertemuan yang saya hadir. Bagi tujuan faedah bersama, pada kesempatan ini, saya ulang semula aspek nilai berkenaan, iaitu:

1) **Dynamic**

Setiap pegawai perlu dinamik. Bermaksud pegawai perlu cepat menyesuaikan diri dengan segala perubahan dan juga fungsi dan tanggungjawab yang semakin bertambah. Pegawai perlu juga cepat dan menyesuaikan diri dengan segala teknologi yang ada, boleh belajar sendiri tanpa perlu disuruh dan diminta. Pegawai juga mesti mampu menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang ada,

baik perubahan tempat kerja dan juga perubahan proses dan prosedur kerja. Pegawai juga mesti cekap mengambil peluang yang ada yang boleh meningkatkan taraf dan imej universiti. Kegagalan bersikap dinamik ini akan menyebabkan kita tertinggal, atau sentiasa ‘tertinggal kapal’ yang menyebabkan kerugian kepada Universiti ini.

2) Sustainability

Setiap pegawai mesti memastikan setiap aktiviti dan keputusan yang dibuat mempunyai nilai tambah dan impak yang tersendiri. Ia hendaklah bukan bersifat ‘seronok sendiri’. Dalam keadaan kewangan dan bajet universiti yang amat terhad, setiap aktiviti yang dilaksanakan hendaklah dipastikan mampu bertahan untuk suatu tempoh masa, kos efektif dan mempunyai impak positif kepada universiti dan masyarakat sekitar.

Kita perlu memastikan setiap keputusan yang dibuat pada ketika ini tidak akan memberikan beban dan liabiliti kepada Universiti pada masa akan datang.

3) Integriti

Pengukuhan sifat integriti pegawai adalah amat penting. Ia adalah kompas nilai yang perlu diikuti dan dipatuhi sepanjang masa.

Saya menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan universiti ini untuk mengukuhkan lagi sifat integriti masing-masing. Justeru, tiada lagi pelanggaran peraturan, culas dalam pekerjaan, semborono, apa lagi terlibat dalam aktiviti rasuah, yang kita akan ikrarkan pada pagi ini untuk dijauhi dan tidak laksanakan.

4) Joyful

Setiap pegawai mesti gembira dengan tugasnya. Sesukar manapun tugas itu, pegawai mesti memastikan dirinya tidak terkesan sehingga menjaskan kesihatannya sama ada secara fizikal ataupun mental. Bagi mencapai kegembiraan dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab kita, perlulah kita mengubah '*mindset*' kita bahawa pekerjaan kita adalah ibadah dan amanah dan bukan semata-mata untuk mendapatkan gaji pada setiap hujung bulan.

5) Justice

Semua fungsi dan tanggungjawab, tugas dan aktiviti yang dijalankan hendaklah pada akhirnya mampu memberikan keadilan kepada semua pihak. Dalam hal ini, segala kekurangan dan kelemahan hendaklah diperbaiki. Tindakan membetulkan ketidakakuratan dalam apa-apa kerja kita perlulah dilakukan walaupun kadang-kadang ia pahit untuk dibuat. Sekiranya berlaku perlanggaran disiplin,

maka proses tindakan tata tertib perlu dilakukan '*without fear and favour*'. Apa lagi jika berlakunya perlanggaran kepada undang-undang negara, maka ia perlulah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Saya yakin, sekiranya semua nilai ini dapat diserapkan dan dijadikan DNA kepada setiap pegawai di Universiti ini, saya percaya, UMS akan mampu mentransformasi kepada Universiti Industri 4.0 dengan lebih cepat.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan UMS pada masa kini dan masa akan datang. Saya berharap, ikrar ini tidaklah menjadi sekadar ikrar di mulut dan di dokumen, tetapi lebih penting ia dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga UMS selama-lamanya.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.